

21/07/2002

Akhirnya dapat juga Siti jumpa PM

TAK sia-sia Siti Nurhaliza menangis. Setelah beberapa bulan menunggu, akhirnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudi meluangkan masa hampir sejam untuk mendengar suara hatinya, yang mewakili artis generasi baru, mengenai isu cetak rompak yang membuatkan kalangan bergelar penyanyi tak lena tidur.

Teman diberitahu dua lagi artis yang berpeluang menghadap Dr M ialah Tan Sri SM Salim dan `sifu' muzik M Nasir. Yang lain adalah orang kuat Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia, Rosmin Hashim dan Pengarah Urusan SRC, Tan Su Loke serta Pengerusi Kesatuan Syarikat Rakaman (RIM), Ng Cheong Hock.

Teman tak kata tangisan Siti itulah yang membuatkan PM terbuka pintu hatinya untuk bertemu artis bagi membincangkan masalah yang menghantui industri muzik tanah air. Tolonglah... itu bukan sikap seorang pemimpin berpengalaman yang sudah diuji dengan 1001 macam cabaran dan dugaan.

Tetapi sekurang-kurangnya ia menjawab sesetengah dakwaan yang dilemparkan terhadap penyanyi yang sudah lima tahun memegang trofi Bintang Paling Popular itu bahawa Siti hanya membuang masa saja dengan mengalirkan air mata. "Takkan PM nak ambil pot benda-benda macam tu!"

Sekurang-kurangnya kita tahu bahawa air mata Siti bukanlah bertujuan untuk menagih simpati PM, yang umum mengetahui banyak benda yang tergalas di bahunya. Siti pun pernah berkata bahawa air matanya bukanlah untuk PM.

"Siti menangis hari tu bukan nak tunjuk kat PM. Perkara utama PC (sidang akhbar) itu diadakan untuk beritahu kepada masyarakat masalah cetak rompak. Bukan Siti merayu pada PM minta simpati. Siti menangis sebab Siti geram sangat kat lanun ni.

"Apabila kita dah buat yang terbaik, lepas tu album kena cetak rompak, itu yang buat Siti panas, Siti geram! Sampai Siti tak boleh tahan lagi. Itu yang membuatkan Siti tersentuh sehingga menitikiskan air mata

"Apa yang Siti lakukan ni memang tak ada niat untuk menambahkan beban PM. Siti hanya minta perhatian saja. Sekali pun ramai yang tidak menyukai tindakan Siti, Siti tak perlu nak fikir apa-apa. Cakaplah sebab mereka tak rasa apa yang Siti dan artis lain rasa," katanya ketika diminta reaksinya mengenai ada kalangan yang kurang senang dengan tindakannya mengalirkan air mata dalam satu sidang akhbar.

Khabarnya juga, PM memang mengambil berat mengenai isu cetak rompak ini dan beliau meminta artis agar banyak bersabar, jangan terburu-buru dan beliau akan cuba sedaya upaya untuk membantu merungkaikan masalah ini

Pada pengamatan teman, meja perbincangan sudah lama terbuka luas. Teman benar-benar berharap selepas ini tidak akan ada pihak yang cuba menutup meja perbincangan itu dengan dakwaan yang pelbagai dan kadangkala tidak masuk akal langsung.

Tindakan sebegini tidak akan memanfaatkan sesiapa, lebih-lebih lagi kepada industri hiburan. Memang rugi besar kerana sebenarnya anak tempatan kita memang ramai yang berbakat dan berpotensi untuk pergi jauh dalam bidang seni suara.

Jauh di sudut hati teman berasa kecewa dan sedih dan acap kali teman tertanya-tanya di manakah semangat setia kawan dalam soal sebegini. Orang syarikat rakaman bukan saja perlu telus tetapi wajar dilihat telus dalam soal sebegini.

Persatuan hiburan pula janganlah asyik mahu dilihat sebagai champion dalam sesuatu isu. Tiada gunanya nampak dan bunyi saja gah, keluar

statement sana-sini kononnya atas nama perjuangan untuk ahli, tetapi hakikat sebenarnya mereka cuma nak jual air liur saja. Tetapi itulah yang berlaku sejak sekian lama. Hai... entahlah... - hanizam@bharian.com.my